

**Najib: BN kurang 'kreativiti' di Sibu**  
**Malaysiakini.com**  
**May 17, 2010**  
**Christine Chan**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hari ini mengakui bahawa jentera pilihan raya Barisan Nasional agak ketinggalan zaman dan tidak dapat menandingi jentera DAP yang lebih inovatif.

Katanya, jika dibandingkan kedua-duanya, jentera BN kurang kreatif dan bertenaga.

"Sepatutnya mereka perlu lebih kreatif dan bertenaga lagi," katanya.

Najib berkata, BN di semua peringkat termasuk bahagian dan negeri perlu menggunakan kekalahan ini sebagai satu pengalaman dan pengajaran untuk melakukan pembaharuan yang perlu.

"Kerana salah satu daripada kekuatan BN selama ini ialah jenteranya tapi kalaulah jentera BN ini kurang bertenaga dan kurang dari segi kreativitinya, maka kita agak kehilangan kelebihan kita," katanya.

"DAP agak agresif dan menggunakan isu-isu sensitif semasa berkempen. Mereka juga banyak menganjurkan pelbagai majlis dan ceramah, khususnya pada sebelah malam," katanya.

Najib berkata, kekalahan BN semalam harus dijadikan sebagai satu peluang untuk mereka bangkit semula dengan semangat dan kekuatan baru supaya dapat merampasnya kembali pada pilihan raya umum nanti.

Menurut Perdana Menteri, kekuatan BN di Sibu masih kekal kerana penyokong-penyokong tradisional tetap bersama BN.

Calon DAP, Wong Ho Leng menewaskan calon BN, Robert Lau Hui Yew dengan kelebihan 398 undi bagi kerusi yang sebelum ini diwakili oleh BN.

Sambil melahirkan rasa kecewannya, Najib berkata, sebenarnya kekalahan itu terlalu tipis dan apa yang BN perlu lakukan sekarang ialah mengkaji segala kekurangan yang mungkin wujud dan melakukan pembaharuan dan penambahbaikan termasuk kepada jentera BN.

"Kita terima keputusan itu kerana sebagai sebuah parti yang berpegang kepada prinsip demokrasi berparlimen maka keputusan pengundi adalah keputusan yang perlu diterima dan dihormati," katanya selepas memberikan ucapan khas pada mesyuarat pertama Forum Pegawai Institusi Kewangan dan Monetari di Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur.

Najib, yang juga Pengerusi BN, berkata walaupun kalah, tidak perlu berlaku sebarang proses menuding jari sebaliknya semua pihak dalam BN perlu melihat secara mendalam apa yang telah berlaku terutama sekali sekiranya ada kelemahan yang perlu diatasi manakala mesej sebenar pengundi Sibu perlu dihalusi.

"Tapi gelombang perubahan di bandar yang kita selalu sebut itu satu fenomena yang perlu kita kaji dan mengetahui sebab musababnya berlakunya fenomena ini," katanya.

Najib, yang turut berkempen pada pilihan raya kecil itu, berkata satu daripada faktor yang

beliau lihat menyumbang kepada kekalahan BN ialah cara jentera BN yang masih bergerak pada kaedah dan cara lama.

Mengulas sama ada berlaku trend penolakan masyarakat Cina terhadap BN melalui pilihan raya ini, Najib berkata, BN kena mengkaji segala-galanya.

"Sama ada ini merupakan apa pertimbangan mereka sebenarnya, adakah isu nasional, isu tempatan atau isu negerikah? Semua perlu kita ambil kira," katanya.

Najib juga berkata, antara sebab lain punca kekalahan BN ialah kerana ramai juga penyokong BN tidak turun mengundi dan ini juga BN perlu mengkaji.

Ditanya impak keputusan di Sibu pada pilihan raya negeri Sarawak akan datang, Perdana Menteri berkata: "Kita akan menghadapi cabaran lebih besar, oleh itu semua pihak terutama di Sarawak harus mengambil kira apakah yang harus kita lakukan untuk menghadapi pilihan raya negeri nanti."

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/132015>